

LAPORAN TEATER NORMCORE: MASAM MANIS

oleh Ridhwan Saidi

Pementasan Teater Normcore: Masam Manis berlangsung seperti yang dijadualkan iaitu pada 12-15 Mac 2020. Ia merupakan hari-hari terakhir sebelum RMO (*restricted movement order*) dijalankan dalam mendepani wabak COVID-19. Di pihak pembikin kami membekalkan sabun di sinki KongsiKL, selain menyediakan *hand sanitizer*. Gudang KongsiKL seluas 10,000 kaki persegi ini juga membolehkan audiens untuk jaga jarak selamat. Tiada tempat duduk khas ditetapkan, sebaliknya untuk pementasan ini audiens bebas untuk duduk atau berdiri, di mana-mana yang mereka rasa selesa. Kami juga mengesyorkan agar audiens yang berada di tepi, sentiasa boleh bergerak untuk melihat aksi yang berlaku di kedua-dua buah bilik. Ini akan saya ceritakan dengan lebih lanjut di bawah.

Buat pertama kali dalam proses menghasilkan teater, kami merasakan keselamatan lebih utama daripada keramaian audiens. Ada rasa risau bercampur gemuruh.

Perasaan ini malah sudah terbawa sejak proses *rehearsal*. Menjadi kelaziman di dalam teater untuk ada sentuhan fizikal baik berpelukan atau bersalaman ketika kami bertemu untuk latihan, tetapi dalam situasi ini, pada awalnya kami *fist bump*, tetapi lama-kelamaan ia bertukar menjadi lambaian. Sentuhan fizikal semakin berkurangan, meski kami selalu bertemu. Ini membuat saya terfikir jika semangat kesatuan ensemble akan menjadi lemah tanpa *gesture-gesture* kecil ini, lalu saya fikir perlu ada situasi lain yang jadi pengganti. Kami buat satu perbincangan intens tentang apa itu lakonan untuk ia dirakam dan ditranskrip. Selain itu ada juga sesi makan dan sembang bersama, yang sekurang-kurangnya beri peluang untuk semangat kebersamaan diterap, dalam mendapat kesatuan hati budi.



Sadiq dan Shu Ni sedang berlatih di PKAF.



Shu Ni dan Mia sedang berlatih di PKAF.

Proses latihan dijalankan di beberapa lokasi pada awalnya tetapi mula mendapat bentuk akhir sewaktu di PKAF (Pusat Kajian & Apresiasi Filem), Alam Budiman. Latihan yang berjalan di dalam ruang kecil dan gelap ini, perlu di-*calibrate* semula sewaktu di lokasi sebenar. Akustik dan semangat ruang sebuah bilik tidak sama seperti di gudang.

Selain tiga orang aktor iaitu Sadiq M. Jamil, Mia Sabrina Mahadir dan Lew Shu Ni, mereka yang terlibat di belakang tabir termasuk Nurul Aizam, Rashid Akhmal, Amirul Rahman, Tan Cher Kian dan Tasha K serta Farid Khir. Kami bersama-sama memasang set di lokasi. Menjadi falsafah Ilham Sani iaitu perekah set kami bahawa sinografi teater perlu *sustainable*, *lightweight* dan *minimal*. Dalam kes ini, beberapa jenis plastik dan kertas digunakan dalam membuat helaian pemisah. Ia sustainable dalam erti kata, kertas dan plastik merah yang digunakan dalam play ini, pernah digunakan di dalam pementasan terdahulu. Helaian plastik hijau dan transparen yang baru dibeli, dan ia bakal digunakan di dalam pementasan-pementasan akan datang. Helaian-helaian kertas dan plastik ini



ringan dan boleh digulung untuk disimpan. Sampah diminimakan dalam menuju ke arah produksi teater zero waste.



Plastik hijau yang akan dipancarkan sari kata dan petikan visual dari filem MASAM-MASAM MANIS

Set yang terdiri dari dua bilik ini, membolehkan audiens mengalami dua pengalaman teater yang berbeza. Yang pertama mereka boleh pilih untuk duduk di kawasan tengah, dan perhatikan kedua-dua bilik. Situasi ini membolehkan mereka menyaksikan teater secara makro. Pilihan kedua pula, audiens boleh pilih untuk *commit* dengan salah satu bilik, lebih intim dan dekat, yang mana perasaannya lebih mendekati melihat pameran di galeri. Audiens boleh pilih untuk mendekati bilik watak Mar di belah kiri, atau bilik watak Hanim di belah kanan. Audiens juga boleh ubah posisi mereka bergerak secara aktif dari bilik ke bilik untuk merasa perspektif berbeza.



Bilik kiri, bilik kanan dan perspektif dari ruang hadapan.

Selain pengalaman teater, kami turut cetak zine skrip untuk dibeli dan dibaca audiens. Ini sedikit sebanyak dapat mendedahkan proses bagaimana dari teks ia berubah bentuk menjadi *performance*.



Teater Modular Box Set dan zine skrip Teater Normcore: Masam Manis turut dijual.

113 audiens datang ke empat hari pementasan kami dengan jumlah yang berbeza-beza pada setiap malam. Ada waktu audiens kami di bawah 20 orang, ada waktu di bawah 30 orang dan ada waktu dalam 50 orang. Ia memberikan perasaan yang berbeza. Misalnya ketika ramai audiens hadir, gerakan audiens lebih pasif kerana tiada banyak ruang membolehkan audiens untuk bergerak. Sebaliknya apabila tidak ramai yang hadir, ada audiens yang aktif bergerak dari bilik ke bilik, dan ini menurut saya merupakan suatu *performance* juga, gerakan rawak audiens. Ia memberi warna terhadap perasaan berteater yang tidak hanya buat audiens yang duduk *rigid* seperti di pentas *proscenium* atau auditorium kebiasaan. Malah untuk teater ini saya mengambil semangat teater tradisional seperti wayang kulit, mek mulung, mendu dan seumpamanya yang berlaku di tempat terbuka, yang lebih santai dan spontan sifatnya. Audiens sentiasa boleh bergerak dalam teater-teater bikinan kami kerana ia bukan ruang dengan kerusi tetap. Kami



Ketibaan audiens dimulakan dengan sepatah dua kata.

sentiasa berteater di tempat terbuka setakat ini. Mungkin taktiknya lain andai suatu masa nanti kami perlu bikin di ruang teater konvensional.

Penggunaan objek sehari-hari seperti kertas dan plastik juga memantul dan membiasakan cahaya. Oleh kerana ruang ini tiada lampu istimewa, yang ada cuma lampu-lampu asas yang dikawal pada suis dinding, rekaan set secara tidak langsung memberikan lapisan-lapisan visual yang indah. Ada lapisan *solid*, *transparent*, dan *translucent*. Perspektif berubah untuk setiap posisi yang dipilih. Melihat secara berdiri berbeza pengalamannya berbanding melihat secara duduk di kerusi, dan duduk di kerusi berbeza dengan duduk di atas lantai. Jarak juga main peranan. Teater adalah pengalaman langsung yang amat peribadi. Tidak seperti teater *proscenium* di mana audiens melihat susunan imej dari jauh. Teater Normcore: Masam Manis menawarkan audiens untuk zoom in dan zoom out, untuk immerse ke dalam kisah di dalam bilik atau menjarakkan diri untuk perhati dari jauh. Setiap pengalaman unik untuk diri masing-masing.



Foto sewaktu pementasan oleh Amirul Rahman.

TEATER NORMCORE: MASAM MANIS Financial Report

	Note		RM
Actors	Sadiq, Mia & Shu Ni	RM 500 x 3	1,500
Director / Playwright	Ridhwan	RM 500 + RM 150	650
Scenographer	Iliham Sani	RM 350	350
Crew A	Involve in rehearsal process, light tech, surtitles (English translations), marketing, promotion, etc.	RM 350 x 4	1,400
Crew B	Involve during the performance day, sound recording and front of house.	RM 150 x 2	300
Venue rental	KongsiKL - 4 days performing nights and 1 day bump in	(RM 500 x 4) + RM 250	2,250
Rehearsal space rental	12 days rehearsal at PKAF	RM 50 x 12	600
Prop and material	Chain, plastic, extention cable, floor tape, cable ties, etc.	RM 500	500
Printing	Script zine and tickets	RM 190 + RM 20	210
Logistic	Travel, food etc.	RM 300	300
		TOTAL	8,060

Hai-O Arts & Culture Grants: **RM 4,000**

Total Audience Number: 113

Income from ticket sales (including early bird & comp. tickets): **RM 4,060**

4000 + 4060 = **RM 8,060**

EXPENSES: RM 8,060
FUNDING + INCOME: RM 8,060

PRESS ARTICLES



New play 'Masam Manis' explores bittersweet conundrum of private public personas in conservative M

Monday, 10 Feb 2020 | 11:45 AM MYT
BY MELANI CHALIL

STRAITS TIMES

Lew Shu Ni, Sadiq M. Jamil, Mia Sabrina Mahadir

masam manis

RECOMMENDED
Entertainment and leisure are undergoing a seismic shift.

PETALING JAYA, Feb 10 — It's a person different in private from his or her public persona. That's what it's all about in Ridhwan Saidi's new play *Masam Manis*. It explores the phenomena of private and public identities and the spaces they occupy.

Photo left: Director Ridhwan Saidi, actors Lew Shu Ni, Sadiq M. Jamil and Mia Sabrina Mahadir. — PHOTOS BY MELANI CHALIL

MASAM, MANIS, AND THE THINGS IN BETWEEN

Ridhwan Saidi, playwright/director | Sadiq M. Jamil, actor | Lew Shu Ni, actor | 10 Mar 2020 | 10pm

masam manis

Front Row
Masam, Manis, and the Things in Between
00:00 / 21:42

Influenced by the 1995 F. Rinaldi movie "Masam-Masam Manis", Tenter Nomura's latest stage production "Masam Manis" takes the idea of two bickering neighbours



Breaking Down Bittersweet Barriers. By Aref Omar. News Straits Times, 11 Mar 2020. <https://www.nst.com.my/lifestyle/groove/2020/03/573606/showbiz-breaking-down-bittersweet-barriers>

How To Tell Stories That Live In People's Memories? An interview with Ridhwan Saidi by Sukhbir Cheema. Eksentrika, 13 Mar 2020. <https://eksentrika.com/ridhwan-saidi/>

Masam, Manis and the Things in Between. Presented by Sharmilla Ganesan. The Bigger Picture, Front Row, 10 Mar 2020. Ridhwan Saidi, playwright/director | Sadiq M. Jamil, actor | Lew Shu Ni, actor. <https://www.bfm.my/podcast/the-bigger-picture/front-row/fr-masam-manis-between>

Masam Manis Aifm radio interview. Host EsselYap En She. Guest CK and Mia Sabrina. Aifm radio, 27 Feb 2020. [video 1](#) and [video 2](#) link here.

New Play 'Masam Manis' explores bittersweet conundrum of private and public personas in conservative Malaysia. Melanie Chalil. The Malay Mail, 10 Feb 2020. <https://www.malaymail.com/news/life/2020/02/10/new-play-masam-manis-explores-bittersweet-conundrum-of-private-and-public-p/1836111>

CONTACT PARTICULARS

Ridhwan Saidi (playwright & director)
binfilem@gmail.com

Sadiq M. Jamil (actor)
sadiqmjamil@gmail.com

Mia Sabrina Mahadir (actor)
mia.mahadir@gmail.com

Lew Shu Ni (actor)
lewshuni@yahoo.com

Ilham Sani (scenography)
mokamochaink@gmail.com

Joni Atari (sound design)
joniatari@gmail.com

Nurul Aizam (producer)
mokamochaink@gmail.com

Tan Cher Kian (marketing & promotion)
atanck@yahoo.com

Tasha K. (ticketing)
nats728@yahoo.com

Rashid Akhmal (technical)
yunorosid@gmail.com

Md. Fariq Khir (technical)
fariqkhirudin@gmail.com

Amirul Rahman (video documentation)
aremerollrahman@gmail.com

Ziana Indah & Mohd Azmen (sign language instructor)
retfa_reve@yahoo.com